

UniMAP 'BIJAK' JANA PENDAPATAN

Oleh : Mohd Basri Basir

ARAU - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bukan sahaja berkembang pesat sebagai antara pusat pengajian tinggi awam (IPTA) terbaik di negara ini, malah turut ke hadapan dalam soal penjanaan kewangan atau pendapatan.

Hal demikian terbukti, hanya dalam tempoh dua tahun Unit Kelestarian Kewangan UniMAP ditubuhkan, universiti tersebut berjaya menjana pendapatan melebihi RM7 juta.

Pencapaian membanggakan itu adalah hasil usaha berterusan unit berkenaan yang dikeluji Panolong Naib Canselor Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan UniMAP, Prof. Datuk Wira Dr. Mohd Salleh Din bersama pasukannya yang tidak putus-pulus mencari sumbangan.

Jumlah tersebut antaranya adalah hasil daripada sumbangan melalui saluran wakaf dan endowmen, One Stop Centre serta hadiah daripada syarikat-syarikat korporat, industri serta individu yang menyokong selama ini.

Jelas, inisiatif yang dibangunkan oleh unit tersebut merangkumi wakaf, endowmen, One-Stop Centre itu berjaya memberikan impak yang bermakna sekiranya dimanfaatkan sebaik mungkin.

Mohd Salleh berkata, antara pendekatan yang digunakan dalam usaha pencarian dana ini ialah melalui tokoh-tokoh serta organisasi korporat dalam menyalurkan sumbangan kepada universiti tersebut.

Katanya, setiap pemberi sumbangan tersebut juga sudah semestinya inginkan sesuatu dan pihaknya telah menawarkan pelepasan cukai kepada mereka same ada 'single deduction' bagi sebarang sumbangan atau 'double deduction' jika berkaitan penyelidikan.

"Melalui pelepasan cukai yang ditawarkan oleh UniMAP itu, ia mampu menarik minat pemberi sumbangan daripada golongan tokoh-tokoh dan organisasi korporat. Ini adalah kaedah situasi menang-menang yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak." Katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Tambahnya, penjanaan melalui wakaf dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) juga adalah



salah satu bentuk penjanaan yang berkonsepkan pelaburan jangka panjang untuk sesebuah universiti.

Selain itu, Mohd. Salleh memberitahu, pihaknya juga berjaya menubuhkan One Stop Centre. Iaitu penubuhannya adalah bagi membantu menjana kewangan universiti.

"Antara aktiviti yang perlu melalui One Stop Centre ini ialah konsultansi, penganjuran program, perkhidmatan pengurusan fasiliti dan perkhidmatan nasihat pakar yang mana ia boleh membantu menjana pendapatan atau keuntungan."

"Selain itu juga, pelancaran Kulpatan wakaf tunai sepanjang masa turut diadakan yang bertujuan memberi peluang dan kemudahan kepada kakitangan para pelajar untuk berwakaf kepada universiti," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Salleh berkata, pencapaian membanggakan sepanjang dua tahun penubuhan unit tersebut adalah hasil kerjasama semua pihak terutama Lembaga Pengarah serta pengurusan tertinggi UniMAP selain ketua-kelua jabatan universiti itu.

